

SOALAN NO. 471**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN TEO KOK SEONG
[RASAH]**

SOALAN :

YB Tuan Teo Kok Seong [Rasah] minta PERDANA MENTERI menyatakan secara terperinci:

- (a) jumlah pelajar yang ditaja oleh Kerajaan yang menuntut di luar negara berdasarkan negara sejak tahun 2013 - tahun 2017; dan
- (b) apakah langkah yang telah diambil oleh pihak Kerajaan untuk memastikan mereka kembali berkhidmat di tanah air selepas pengajian mereka.

177

JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) pada tahun 2013 sehingga 2017 telah menaja seramai 1,479 orang pelajar bagi melanjutkan pengajian ke luar negara di bawah Program Penajaan Nasional (PPN) dan Program Khas Jepun, Korea, Perancis dan Jerman (JKPJ). Untuk PPN pelajar ditaja menuntut di sepuluh universiti terbaik di Amerika Syarikat dan United Kingdom sementara untuk JKPJ pelajar ditaja menuntut di Jepun, Korea, Perancis dan Jerman.

Pelajar tajaan JPA yang telah menamatkan pengajian dengan jayanya dan telah melapor diri, wajib berkhidmat di dalam negara. Langkah-langkah yang telah diambil oleh JPA bagi memastikan para pelajar tajaan di luar negara kembali berkhidmat di Malaysia adalah melalui:

(i) Program Pembangunan dan Pemantauan Pelajar

Program yang diadakan secara berkala oleh Pejabat Penasihat Pendidikan dan Latihan (PPL) menekankan elemen peranan dan tanggungjawab seseorang pelajar tajaan serta keperluan mereka untuk kembali berkhidmat di Malaysia. Pelbagai bentuk program pembangunan dilaksanakan bertujuan untuk mempertingkatkan ketahanan pelajar dari aspek mental, rohani dan fizikal dalam mendepani cabaran sepanjang pengajian sebelum pulang

berkhidmat di tanah air. Pelajar tahun akhir khususnya diberi pendedahan berkaitan *tips* temuduga dan pengalaman sebagai persediaan awal sebelum melangkah ke alam pekerjaan;

(ii) Pengeluaran surat / notis peringatan

Pelajar akan diberikan surat / notis peringatan sebelum menamatkan pengajian untuk memaklumkan urusan selepas bergraduat iaitu melapor diri dengan pihak Kerajaan dan mendaftar dengan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia (SPA) dalam tempoh 30 hari selepas tamat pengajian. Kegagalan melapor diri, pelajar akan dikenakan tindakan tuntutan gantirugi dan seterusnya kes akan dirujuk ke Jabatan Peguam Negara sekiranya pelajar masih tidak mengendahkan surat / notis yang dikeluarkan.

(iii) Program *re-orientation* bersama graduan tajaan JPA dengan kerjasama agensi-agensi Kerajaan dan Swasta

Program yang diadakan secara berkala ini adalah bertujuan memberi panduan dan tunjuk ajar kepada graduan mengenai tatacara melapor diri serta permohonan jawatan di Portal SPA8i. Program ini turut memberi peluang kepada graduan mengikuti sesi perkongsian *tips* kerjaya dan lain-lain aktiviti yang dapat membantu para graduan mencari peluang pekerjaan.

Di samping itu, Kerajaan dari semasa ke semasa sentiasa menambahbaik kaedah pemantauan pelajar-pelajar tajaan di luar negara bagi memastikan mereka pulang melapor diri selepas menamatkan pengajian dan menunaikan kontrak perkhidmatan dengan Kerajaan.

Sekian, terima kasih.

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN BERTULIS : TUAN TEO KOK SEONG [RASAH]
DARIPADA**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Tuan Teo Kok Seong [Rasah] minta MENTERI PENDIDIKAN menyatakan secara terperinci :-

(a) jumlah bantuan dan peruntukan yang diberikan oleh Kerajaan Pusat kepada Sekolah Tinggi Persendirian Cina sejak tahun 2013 - 2018; dan

(b) mengapakah Kerajaan tidak membantu sekolah tersebut di atas secara sistematik.

JAWAPAN

Jawapan (a) dan (b)

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Sekolah Menengah Persendirian Cina (SMPC) adalah tidak tergolong di bawah mana-mana kategori institusi pendidikan dalam sistem pendidikan kebangsaan. Kedudukan 60 buah SMPC masih kekal *status quo*nya seperti yang diperuntukkan di bawah Akta Pelajaran 1961 serta peruntukan di bawah seksyen 151 Akta Pendidikan 1996 [Akta 550]. Berdasarkan kedudukan *status quo* tersebut, 60 buah SMPC yang berkenaan tidak layak menerima sebarang sumbangan bantuan daripada pihak Kerajaan.